



Rujukan: UKM.KPD.ODL.500-4/2/2  
Tarikh: 10 Jun 2024

**Semua Pelajar ODL**  
**Semester 3 Sesi Akademik 2023-2024**

Tuan/Puan

**PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2023-2024 (MEI 2024)**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Minggu Peperiksaan Akhir/Penilaian Akhir bagi Program *Open & Distance Learning* (ODL) Semester 3 Sesi Akademik 2023-2024 adalah bermula pada **5 Ogos 2024 hingga 11 Ogos 2024**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Tuan/Puan dikehendaki membuat pengesahan kursus bagi Semester 3 Sesi Akademik 2023-2024 melalui [SMPE](#) mulai **1 Julai 2024 hingga 7 Julai 2024** (Minggu ke – 9).

Sila tekan butang **SAH** sekiranya senarai kursus yang telah didaftarkan di **SMPE** adalah betul. Sekiranya, Tuan/Puan tidak membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat kursus, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Butiran ini akan digunapakai bagi proses persediaan peperiksaan/penilaian akan datang.

Pelajar yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00**. Oleh itu, Tuan/Puan dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, Terima Kasih.

*Ardilla*

**ARDILLA MUHAMMAD ASRI**

Penolong Pendaftar

Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL (Bahagian ODL)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8927 2021 E-mel: [odl@ukm.edu.my](mailto:odl@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/ukmshape](http://www.ukm.my/ukmshape)